

# Pekan Parit Raja setaraf Oxford

**Batu Pahat:** Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) akan menerjui usaha mewujudkan bandar universiti di daerah ini yang setaraf dengan bandar Oxford, United Kingdom (UK).

Ahli Parlimen Sri Gading yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, pihaknya percaya UTHM mempunyai kepakaran bagi me-

rencanakan perancangan, sekali gus menaik taraf status pekan Parit Raja sebagai destinasi pelancongan pendidikan.

"Saya melihat potensi pekan Parit Raja dibangunkan sebagai sebuah bandar universiti amat munasabah memandangkan lokasi ini menempatkan sebuah universiti terkemuka di tanah air iaitu UTHM.

"Selain itu, Parlimen Sri Gading menempatkan banyak lagi institusi pe-

ngajian seperti Institut Perguruan Tun Hussein Onn, Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading dan Kolej Kejururawatan Batu Pahat yang meningkatkan lagi potensi untuk pekan Parit Raja dijadikan sebagai bandar universiti," katanya.

Menurut beliau, integrasi antara pekan dan universiti adalah satu projek pembangunan yang memerlukan perancangan rapi dengan pelbagai pihak terutama majlis daerah, UTHM dan penduduk se-tempat.

**“Saya melihat potensi pekan Parit Raja untuk dibangunkan sebagai bandar universiti amat munasabah**

**Ab Aziz Kaprawi**

"Saya percaya UTHM mempunyai kepakaran dan pendedahan serta boleh menyediakan khidmat nasihat, memberi maklum balas dan bantuan berhubung perkara ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

